

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]
TARIKH : 7.04.2014 (ISNIN)

TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL] minta
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN
KEPENGUNAAN menyatakan:-

- (a) Jumlah kes yang dibawa ke mahkamah melalui Ops Harga; dan
- (b) Berapakah barangan yang mengalami penurunan harga pasca Ops Harga selain daripada harga kangkung.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Kerajaan sentiasa memastikan peningkatan harga barangan keperluan harian rakyat adalah terkawal kerana ianya boleh memberi kesan kepada kos sara hidup rakyat terutama rakyat berpendapatan rendah dan di kawasan luar bandar. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa mempertingkatkan penguatkuasaan dengan mempergiatkan lagi pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh ke atas premis-premis perniagaan di seluruh negara yang bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan memanipulasikan harga serta memastikan peniaga mematuhi perundangan yang telah dikuatkuasakan.

Bagi mana-mana peniaga yang didapati menaikkan harga barangan secara mendadak dan ketara, KPDNKK akan memberi notis kepada peniaga tersebut mengikut peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Menurut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011, mencatut bermaksud membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Peniaga yang melakukan kesalahan akan diminta memberi penjelasan kepada KPDNKK rasional mereka menaikkan harga secara mendadak.

Pada 16 Februari 2014, satu kes telah didakwa di Mahkamah Seksyen Kota Bharu atas kesalahan gagal meletakkan tanda harga dimana peniaga berkenaan telah disabit kesalahan dan didenda sebanyak RM8,000.00.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kementerian masih lagi melaksanakan Ops Harga sehingga kini secara berterusan. Justeru itu, senarai barangan yang mengalami penurunan harga pasca Ops Harga masih belum dapat ditentukan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)

DARIPADA : Y.B IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

SOALAN :-

Y.B IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memperuntukkan kuasa kepada Ahli Parlimen Kerajaan untuk lantikan Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan dan adakah Ahli Parlimen akan turut dijemput hadir mesyuarat penuh majlis.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa melantik Yang di-Pertua (YDP) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Ahli-ahli Majlis adalah terletak di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri (PBN) seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Bagi Mesyuarat Penuh Majlis, ianya terbuka kepada umum termasuk Ahli Parlimen seperti yang dinyatakan di dalam Seksyen 23 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) di mana semua mesyuarat di PBT adalah terbuka kepada orang awam dan wakil akhbar kecuali PBT berkenaan melalui resolusi di dalam Mesyuarat Penuh berkenaan memutuskan sebaliknya. Pada kebiasaannya pihak PBT memerlukan permohonan untuk hadir secara bertulis.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
April 2014